



PENGUMUMAN

MEKANISME PELAKSANAAN DASAR HAD MASA PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN

Susulan daripada pengumuman berhubung Pindaan Kepada Syarat-syarat Kemasukan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (PSAG) pada 21 Disember 2016, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia (Lembaga) telah membuat keputusan tentang semua rayuan yang diterima berikutan dengan keputusannya pada 7 Disember 2016. Lembaga telah menetapkan mekanisme pelaksanaan dasar had masa tersebut seperti berikut:

A : BAGI CALON YANG GAGAL SEMUA MATA PELAJARAN

- (i) **CALON YANG MASIH BELUM LULUS PSAG SEJAK DARI TAHUN 1984 HINGGA 2002 TANPA MENGIRA JUMLAH PERCUBAAN YANG TELAH DIAMBIL**

Semua calon dibenarkan untuk **mendaftar semula** untuk menduduki PSAG dalam tempoh 4 tahun dari tarikh keputusan Lembaga bertarikh 7 Disember 2016 dibuat dengan **membuat bayaran RM4,000.00** iaitu **sebelum atau pada tahun 2020**.

- (ii) **BAGI CALON YANG MASIH BELUM LULUS PSAG DARI TAHUN 2003 - 2016**

Semua calon dikehendaki mendaftar semula untuk menduduki PSAG **sebelum atau pada tahun 2020** dengan membuat bayaran **Yuran Pendaftaran berjumlah RM3,000.00** dan **Yuran Peperiksaan berjumlah**

RM1,000.00. Memandangkan masih terdapat baki percubaan, calon **hanya** perlu membuat bayaran Yuran Pendaftaran Tambahan berdasarkan formula berikut:

$$\text{Bayaran Tambahan} = \frac{\text{Jumlah Bayaran Pendaftaran}}{\text{Tempoh Had Masa}} \times \text{Jumlah Percubaan}$$

Jumlah bayaran Yuran Pendaftaran Tambahan yang perlu dibuat oleh calon yang masih mempunyai baki percubaan PSAG adalah seperti di Jadual berikut:

BILANGAN PERCUBAAN YANG TELAH DIDUDUKI OLEH CALON	BILANGAN BAKI PERCUBAAN CALON	JUMLAH YURAN TAMBAHAN YANG DIKENAKAN
0 percubaan	4 percubaan	Tiada bayaran
1 percubaan	3 percubaan	RM 750.00
2 percubaan	2 percubaan	RM1,500.00
3 percubaan	1 percubaan	RM2,250.00
4 percubaan	0 percubaan	RM3,000.00

B : BAGI CALON YANG GAGAL SATU MATA PELAJARAN

(i) CALON YANG GAGAL SATU MATA PELAJARAN BAGI PSAG 2017 DAN SETERUSNYA

Semua calon **diberikan 3 peluang** untuk menduduki PSAG Tambahan dan jika masih gagal dalam tempoh 4 tahun, calon tidak dibenarkan untuk menduduki PSAG selepas itu seperti dalam Jadual yang berikut:

	PERCUBAAN DALAM TAHUN 1	PERCUBAAN DALAM TAHUN 2	PERCUBAAN DALAM TAHUN 3	PERCUBAAN DALAM TAHUN 4
TAHUN 1	PSAG Utama (Percubaan 1)	PSAG Utama (Percubaan 1)	PSAG Utama (Percubaan 1)	PSAG Utama (Percubaan 1)
TAHUN 2	PSAG Tambahan (Percubaan 2)	PSAG Utama (Percubaan 2)	PSAG Utama (Percubaan 2)	PSAG Utama (Percubaan 2)
TAHUN 3	PSAG Tambahan (Percubaan 3)	PSAG Tambahan (Percubaan 3)	PSAG Utama (Percubaan 3)	PSAG Utama (Percubaan 3)
TAHUN 4	(PSAG Tambahan (Percubaan 4)	PSAG Tambahan (Percubaan 4)	PSAG Tambahan (Percubaan 4)	PSAG Utama (Percubaan 4)
TAHUN 5		PSAG Tambahan (Percubaan 5)	PSAG Tambahan (Percubaan 5)	PSAG Tambahan (Percubaan 5)
TAHUN 6			PSAG Tambahan (Percubaan 6)	PSAG Tambahan (Percubaan 6)
TAHUN 7				PSAG Tambahan (Percubaan 7)

(ii) **CALON YANG GAGAL SATU MATA PELAJARAN TETAPI TELAH TAMAT TEMPOH 2 KALI PERCUBAAN SEJAK TAHUN 2003 HINGGA 2016**

Semua calon dibenarkan **mendaftar semula** untuk menduduki PSAG dalam tempoh 4 tahun dari tarikh keputusan Lembaga bertarikh 7 Disember 2016 dibuat dengan **membuat bayaran RM4,000.00** iaitu **sebelum atau pada tahun 2020**.

(iii) **CALON YANG GAGAL SATU MATA PELAJARAN TETAPI BELUM TAMAT TEMPOH PERCUBAAN DARI TAHUN 2003 HINGGA 2016**

Semua calon diberi peluang bagi menduduki PSAG Tambahan **sebanyak 3 kali percubaan** secara berturut-turut dalam tempoh 4 tahun dari tarikh keputusan **sebelum atau pada tahun 2020**. Jika gagal selepas itu, calon tidak dibenarkan untuk menduduki PSAG.

BILANGAN PERCUBAAN MENDUDUKI PSAG TAMBAHAN	BILANGAN BAKI PERCUBAAN MENDUDUKI PSAG TAMBAHAN	BILANGAN PERCUBAAN TAMBAHAN YANG DIBENARKAN	BILANGAN PERCUBAAN YANG DIBENARKAN SELEPAS DASAR HAD MASA BARU
0 percubaan	2 percubaan	1 kali	3 kali
1 percubaan	1 percubaan	2 kali	3 kali

Keputusan Lembaga dalam segala perkara ini telah dibuat selepas pertimbangan yang teliti dan dengan sebulat suara.

Terima kasih.

HASLINA MANSOR

Pengarah,

Peperiksaan Sijil Amalan Guaman

Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia

1 Mac 2017